

Sita harta 'raja dadah' RM371.6 juta

FOTO: BERNAMA

Beberapa harta lain
masih dikesan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SEPANG

Polis berhasil menyita beberapa harta seorang lelaki warga tempatan disyaki *kingpin* dadah hingga keseluruhannya bernilai RM371.6 juta setakat ini selepas menyita 15 lot kawasan perusahaan di Klang dengan anggaran RM5.65 juta kelmarin.

Pengarah JSJN, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, setakat ini keseluruhan harta yang disita antaranya ialah wang tunai sebanyak RM6,950, wang dalam akaun sebanyak RM21.6 juta, saham bernilai RM143 juta, hartanah bernilai RM203.6 juta, pelbagai kenderaan mewah bernilai RM2.7 juta dan barang kemas bernilai RM51,800.

Sitaan tersebut katanya, akan disiasat di bawah Seksyen 3 dan Seksyen 4 Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988.



Mohd Khalil Kader pada sidang media di Sepang semalam.

“Siasatan masih dijalankan untuk mengesan lagi harta milik suspek berkenaan.

“Suspek kini dipercayai berada di Thailand dan usaha untuk menjejaknya sedang giat dilakukan dengan kerjasama penguat kuasa negara berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Narcotic Airport Division di Anjung Tinjau, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini semalam.

Pada 10 September lalu, po-

lis menumpaskan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa apabila merampas 12 tan metrik kokain dicampur dengan arang batu bernilai RM2.4 bilion dalam tiga kontena di Terminal Kargo Utara Butterworth.

Sindiket yang membawa dadah dalam 60 guni arang batu dari Amerika Selatan itu berjaya ditumpaskan menerusi Ops Eagle yang dijalankan di sekitar Butterworth dan Bayan Baru di Pulau Pinang serta Padang Serai, Kedah.